

U B355 AAB

MAHATHIR-PERTANDINGAN

KUALA LUMPUR, 18 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD GEMBIRA KERANA PERTANDINGAN MEREbut JAWATAN KETUA PERGERAKAN PEMUDA UMNO SEMALAM BERLANGSUNG DALAM SUASANA MERIAH DAN PERSAHABATAN.

PERDANA MENTERI KETIKA DIMINTA MENGULAS PERTANDINGAN ITU, BERKATA, +YANG MENANG, MENANGLAH DAN YANG KALAH, KALAHLAH. KITA HARUS MENERIMA KEPUTUSAN YANG DIBUAT.+

BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA YANG PENTING KEPADA UMNO BUKAN SIAPA YANG MENANG KERANA YANG KALAH JUGA IALAH ORANG UMNO, TETAPI YANG LEBIH PENTING UMNO DAPAT TERUS BERGERAK DENGAN BERKESAN UNTUK KEPENTINGAN ORANG MELAYU.

DALAM PERTANDINGAN ITU, ENCIK ANWAR IBRAHIM MENGEKALKAN JAWATANNYA MENGALAHKAN ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI SYED HAMID ALBAR.

KETIKA DITANYA APAKAH MAKNANYA KEMENANGAN ENCIK ANWAR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA +KEMENANGAN ITU TIDAK MEMPUNYAI APA-APA SIGNIFANCE, CUMA SEBILANGAN BESAR PERWAKILAN MEMILIH ENCIK ANWAR.+

-- LAGI.

1527MST 18 09 86

0567

U B356 AAB

MAHATHIR-PERTANDINGAN 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA BAGINYA APA YANG DIKATAKAN PERTANDINGAN PROXY DALAM MEREbut JAWATAN ITU SEBENARNYA TIDAK WUJUD.

KETIKA DITANYA SAMA ADA KEMENANGAN ENCIK ANWAR MENGUKUHKAN KEDUDUKAN BELIAU SEBAGAI PRESIDEN UMNO, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK MEMPERSOALKAN PERKARA ITU KERANA YANG PENTING IALAH UMNO DAPAT BERGERAK DENGAN BERKESAN. -- BERNAMA.

1527MST 18 09 86